

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Tarikh: 01/01/2026

1 Apakah itu Premier PA Plus?

Premier PA Plus ialah pelan kemalangan diri yang menyediakan pampasan untuk kematian, hilang upaya kekal dan manfaat perubatan disebabkan kemalangan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Untuk tempoh perlindungan selama setahun, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

No.	Manfaat	Jumlah Manfaat (RM)
1.	Lumpuh sepenuhnya, hilang akal sama sekali atau kecederaan yang menyebabkan terlantar kekal.	Sehingga 200,000
2.	Ketidakupayaan kekal yang lain	Sehingga 150,000
3.	Kematian - Kemalangan maut ketika menaiki kenderaan awam atau sewaktu berada di luar negara Malaysia, Singapura dan Brunei. - Kemalangan maut sewaktu berada di dalam Malaysia, Singapura dan Brunei. - Tunai belas kasihan - Penghantaran pulang jenazah	100,000 50,000 2,000 3,000
4.	Rawatan pesakit luar - Tunai pesakit luar - Kecederaan ragut	100 150
5.	Perubatan hospital - Pembayaran balik kos rawatan (setiap kemalangan) - Tunai hospital (sehingga 100 hari)	Sehingga 1,000 100 sehari
6.	Yuran ambulans (setiap kemalangan)	Sehingga 200

Nota:

- Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui kontrak polisi setiap tahun dan premium boleh dibayar secara bulanan atau tahunan.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Polisi anda tidak melindungi:

- Mengambil bahagian dalam sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang, bunuh diri, mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau gila;
- Dibawah pengaruh alkohol atau dadah;
- Mengambil bahagian dalam sukan dan aktiviti berbahaya;
- Mengambil bahagian dalam penerbangan atau lain-lain kegiatan udara selain daripada sebagai seorang penumpang;
- Mengambil bahagian dalam pekerjaan berbahaya;
- Menyertai pasukan tentera laut, darat, udara, polis, jabatan bomba atau yang lain-lain;
- Kehamilan atau kelahiran anak;
- AIDS atau kehadiran sebarang HIV;
- Keuzuran, penyakit, parasit, bakteria atau jangkitan kuman;
- Penyakit sedia ada;
- Peperangan atau risiko tindakan pengganas; atau
- Kontaminasi radioaktif atau nuklear

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk insurans kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-88-6688
(Pusat Panggilan Kumpulan Maybank)



Layari laman web ¹



Emel kepada info@etiqa.com.my



Imbas kod QR

¹ salin pautan ini: https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/personal/insurance/personal_accident/premier_pa_plus.page?

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Premier PA Plus, jumlah premium yang perlu dibayar adalah berbeza berdasarkan jenis skim dan mod pembayaran. Untuk jumlah manfaat RM200,000.00, anda perlu membayar premium sebanyak:

Jenis Skim	Diri Sendiri		Diri Sendiri dan Pasangan		Diri Sendiri dan Keluarga	
	Bulanan	Tahunan	Bulanan	Tahunan	Bulanan	Tahunan
Premium Asas (RM)	19.00	200.00	31.00	328.00	39.00	410.00
Anda juga harus membayar fi and caj berikut:						
Komisen dibayar kepada pengantara	25%	25%	25%	25%	25%	25%
Cukai Perkhidmatan	8%	8%	8%	8%	8%	8%
Duti Setem	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	30.52	226.00	43.48	364.24	52.12	452.80
- Premium boleh dibuat secara autodebit daripada akaun pilihan anda (semasa/simpanan/kad kredit) mengikut kaedah pilihan anda, sama ada bulanan atau tahunan. - Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.						

4 Syarat Utama Lain

1. Anda harus memberikan maklumat tepat dan cukup semasa permohonan. Anda harus mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi.
2. Perlindungan insurans hanya berkuat kuasa apabila anda telah membayar premium (Bayaran Sebelum Perlindungan).
3. Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas polisi. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Semasa pembatalan, Anda akan menerima bayaran balik sebahagian premium dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan semasa tempoh insurans.